

PELBAGAI KAEDAH MENGAJAR

■ Cabaran guru masa kini dalam mendidik pelajar

Mohd Hanafis Abdul Haris
hanafis@tmmetro.com.my

Batu Pahat

“**S**aya sendiri perlu mempelbagaikan kaedah pembelajaran termasuk menggunakan multimedia yang mempunyai kaitan dengan subjek tertentu supaya murid mudah faham,” kata Siti Aminah Kusin, 37, guru Sekolah Kebangsaan Seri Sabak Uni, Parit Raja, di sini berhubung cabaran dihadapi warga pendidik masa kini.

Siti antara 3,000 Guru Muda (Malaysia) (GMIM) menghadiri Program Bual Bicara Aidilfitri Warga Pendidik di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, semalam.

Menurutnya, guru masa kini perlu mengikut rentak dan pemahaman pelajar supaya ilmu yang cuba dicurahkan lebih mudah ‘dihadam’ anak didik.

“Jika dulunya hendak memberi arahan pun terpaksa berlapak, namun budak kini berbeza dan sukar memahami apa yang sebenarnya kita cuba sampaikan.

“Saya sebagai guru kena ikut rentak mereka dengan memberi arahan yang mudah mereka faham dan sebab itu guru perlu peka dengan perubahan yang dialami anak didik,” katanya.

Menurutnya, perubahan itu selaras dengan subjek Teknologi Maklumat dan Komunikasi diperkenalkan kementerian yang memfokuskan pembelajaran berasaskan Teknologi Maklumat (IT).

Sementara itu, Haslinda Mohd Jali, 38, berkata, tahap pemikiran pelajarinya yang lebih ke hadapan memaksanya sentiasa bersiap sedia dengan ilmu dan pengetahuan terbaru.

“Guru perlu faham faktor utama yang menyekat mereka dalam menerima ilmu pembelajaran.

“Adakah ia berpunca daripada rakan sebaya ataupun pengaruh informasi diterima daripada media sosial. Itu semua



“Guru perlu faham faktor utama yang menyekat mereka dalam menerima ilmu pembelajaran”

Haslinda Mohd Jali



“Saya sebagai guru kena ikut rentak mereka dengan memberi arahan yang mudah mereka faham dan sebab itu guru perlu peka dengan perubahan yang dialami anak didik”

Siti Aminah Kusin

kita perlu ambil tahu,” katanya yang sudah mengajar lebih 10 tahun.